

Karya
Usman Awang

Arahan
Jessica Lim Eng Hwa



Pusat Seni USM

mempersembahkan

PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN

Muzika Drama


U d a e D a r a

Pada 24, 25, 26 Februari 1990

Jam 8.30 malam

di Panggung Sasaran

Universiti Sains Malaysia.



*With Best Compliments
from*

Genting Berhad
K u a l a L u m p u r

Kata-Kata Aluan TNC (HEP)



12 Februari 1990

Kata-kata Aluan TNC (HEP) Sempena Muzika Drama - Uda dan Dara

Insan Seni adalah manusia yang mempunyai kepekaan yang amat halus. Jiwanya sering menggambarkan keindahan-keindahan yang kadang kala sukar untuk difahami umum. Cetusan-cetusan ilham seni ini dilahirkan di dalam berbagai bentuk. Ada bentuk prosa, ada bentuk puisi, ada bentuk drama, ada bentuk tarian, taridra dan sebagainya. Kali ini kita berhadapan dengan suatu eksperimentasi seni berbentuk "muzika drama" yang berteraskan karya sasterawan negara Dr. Usman Awang - Uda dan Dara.

Eksperimentasi seperti ini memanglah amat diutamakan di Universiti, sebagai tempat memupuk pertumbuhan akal kreativiti, inovasi, emosi dan fizikal. Saya berharap usaha yang pertama pernah dibuat ini akan mendapat sambutan istimewa dari masyarakat, baik di dalam, mahu pun di luar kampus. Saya juga berharap melalui usaha-usaha sebegini kita bukan sahaja dapat mengabadikan warisan seni bangsa, bahkan dapat pula melahirkannya dalam bentuk yang serasi dengan nilai-nilai dan harapan generasi, agar warisan seni dan budaya kita, tidak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan.


Kepada Saudari Lim Eng Hwa, saya ucapkan tahniah. Kepada Pusat Seni saya ucapkan syabas kerana berjaya membimbing siswa/i ke arah kreativiti yang boleh menjadi benteng bagi menyekat pencemaran budaya dan seni dari luar.

Sekian.

Yang ikhlas,

(DATUK PROFESOR AMIR AWANG)
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar)

Daripada Dr. Usman Awang



Saya merasa sangat terharu apabila Jessica Lim Eng Hwa mengunjungi saya di rumah dan menyatakan hasratnya untuk mementaskan Uda dan Dara sebagai suatu projek seninya sebagai salah satu keperluan akademik. Lebih mengharukan lagi apabila menyedari kerumitan yang bakal dihadapinya dalam mementaskan Uda dan Dara.

Mementaskan Muzika Uda dan Dara memerlukan ketabahan dan kekuatan moral dan material, menuntut ketajaman rasa terhadap akar budi dan nilai kemanusiaan di samping keberanian mengungkapkan resah gelisah rakyat desa yang ditindas dan diperas oleh tuan tanah yang tamak.

Projek ini harus dinilai bukan saja kemampuan Jessica Lim di dalam bidang lakonan, tarian dan muzik, tetapi juga kemampuannya menyelenggarakan sebuah pementasan yang agak rumit dan mencabar.

Saya berharap kelemahan dan kekurangan yang terdapat di dalam cerita/manuskrip Muzika Uda dan Dara tidak akan mengurangi nilai dan mutu persembahan projek seni ini.

Kepada Jessica Lim dan semua yang terlibat dengan projek seni ini saya sampaikan tahniah dan doa semoga memperoleh kejayaan.

Ikhlas,

Usman Awang

Daripada Pengarah Projek



Sebagai seorang pelajar tahun akhir yang mengikuti jurusan seni lakon, saya telah mengambil keputusan untuk memilih kursus HPS 409 Projek Seni sebagai salah satu keperluan akademik bernilai 8 unik untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sastera (kepujian) bagi sidang akademik 1989/90.

Pada mulanya memang berat untuk memilih skrip yang sesuai dengan daya kemampuan saya, tetapi akhirnya Muzika Drama Uda dan Dara telah menarik perhatian saya kerana drama ini telah menggabungkan tiga elemen teater yang amat saya minati iaitu muzik, tarian dan lakonan.

Kalau selama ini saya melihat teater sebagai pemerhati, pelajar dan pelakon, maka sampailah pula masa untuk saya menguji kebolehan dan daya kreativiti saya sebagai seorang pengarah. Lebih-lebih lagi projek ini memberi peluang kepada saya untuk mempelajari bagaimana hendak mentadbir, mengurus dan mengorganisasikan kerja saya dengan baik. Pada saya, projek ini bukan sahaja untuk mendapatkan kepujian yang baik dalam bidang akademik, tetapi juga satu pelajaran dan pengalaman yang amat penting untuk masa depan saya.

Saya tidak berani berjanji akan menghasilkan satu persembahan yang berkualiti tetapi saya berjanji akan berusaha sepenuhnya untuk menayakan persembahan ini nanti. Walaubagaimanapun satu persembahan yang berjaya bukannya dari tenaga seorang sahaja bahkan melibatkan kerjasama semua pihak.

Kesempatan ini, saya dengan hati yang ikhlas ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pelakon yang terlibat, jawatankuasa pentadbir dan teknikal, serta kepada semua yang pernah menolong saya. Kesudian mereka meluangkan masa dan tenaga untuk bersama-sama memperjayakan persembahan ini, saya amat sanjung tinggi. Saya berani berkata tanpa mereka semua maka tiadalah persembahan Muzika Drama Uda dan Dara.

Sekian.

**BERSATU DALAM SEMANGAT, TENAGA DAN FIKIRAN
MELALUI KEGIATAN SENI YANG LUHUR.**

Pengarah Projek,

(Jessica Lim Eng Hwa)

Sinopsis

Sinopsis

Uda, seorang pemuda miskin yang jatuh cinta pada **Dara**, gadis berasal dari golongan kaya. Tetapi kisah percintaan mereka telah dihalang oleh perbedaan darjat dan wang ringgit, di mana ibu **Dara** dan **Alang Bakhil** menganggap **Uda** tidak setaraf dengan **Dara**. Walaupun **Uda** berjaya mengumpul wang ringgit dari kota, perkahwinan mereka masih lagi dihalang oleh pangkat dan darjat yang tidak setaraf. Akhirnya **Uda** telah dibunuh oleh **Alang Bakhil**, seorang tuan tanah yang sentiasa menindas dan menghisap darah orang-orang kelas bawahan.

Satu perdebatan hebat telah berlaku di kalangan orang-orang kampung setelah kematian **Uda**. Pertentangan ini telah melibatkan dua pihak, golongan tua dan golongan muda. Golongan muda diketuai oleh **Malim** dan **Utih** mahu menghapuskan 'peraturan' yang mengakibatkan para petani menderita kemiskinan manakala tuan tanah telah menjadi kaya raya. Pada mereka, **Alang Bakhil** hanya mewakili sistem feudal yang menindas golongan petani miskin dan kehilangannya pasti akan diganti dengan wakil yang mempunyai sikap yang sama. Jadi apa yang harus mereka hapuskan ialah 'akarnya'. Tetapi golongan tua yang pasif telah membantah kerana mereka ingin membela adat dan mereka lebih rela menyerahkan segala-galanya kepada takdir.

Kebuntuan yang dihadapi oleh kedua-dua pihak itu dipecahkan dengan ketibaan **Pak Guru**, seorang guru silat yang amat dihormati oleh orang-orang kampung. Akhirnya, dengan kata-kata nasihat dari **Pak Guru**, golongan tua dan golongan muda pun berpadu tenaga, bersatu menentang 'peraturan' yang telah lama menindas mereka.



Pelakon Utama


Hassan Yahya
• **Uda** •



Aminah Rapor
• **Dara** •



Roslee Mansor
• **Utih** •




Abdul Rashid
Kasman Jaafar
• **Alang Bakhil** •




Nor Haslia
• **Ibu Uda** •




Wong Meow Yin
• **Ibu Dara** •



Mazlan Tahir
• **Malim** •



Rosnan Gibb
• **Pak Guru** •



Rahim Yaacobe
• **Pak Long** •



Rosminah Tahir
• **Mak Long** •

Para Pelakon




Pemuda-Pemuda Kampung

Hamzah Mohd Tahir
Zulkifli Baba Noor
Jeffree Hj. Md Kassim
Narinder
Abdullah Mamat
Nor Azlan Abd. Bidin



Gadis-Gadis Kampung

Zainal Emilia Zainol Abidin
Dayang Aini Hj. Hudin
Ang Bee Saik
Yip Feei Yen
Harzina
Samantha Tong Chek Leng




Pengikut-Pengikut Alang Bakhil

Chen Chee Tien
Noordin Hussain
Ang Khoon Lim
Mor Chun Lin

Jawatankuasa Pentadbiran dan Teknikal

Pembantu-Pembantu Pementasan

Abdullah Hasan
Sabsali Khan
Rosli Ibrahim
Ahmad Nah rawi
Yan Chin Keong
Soh Hoo Chee Keong
Queenie Tham Choy Kuen
Sam Chuon Men
Faridah Wahid
How Chai Hear
Lawrence
Kor Yee Neo
Ng Nam See
Lim Teng Kok
Law Mon Nee
Loh Lee Tyng



Jawatankuasa Pentadbiran dan Teknikal

Pengarah Projek	: Jessica Lim Eng Hwa
Penolong Pengarah Projek	: Juned Hj. Ramli
Setiausaha	: Ong Sze Een
Bendahari	: Lee Ean Hong
Pengurus Pentas I	: George Farn Han Kin
Pengurus Pentas II	: Teo Kian Lee
Pereka Set	: Mohd Nuri Bakar
Pereka Grafik	: Mohd Shukri Abd. Hamid
Penata Cahaya	: Ng Chin Yong
Sistem Muzik	: Tan Ban Kiat
Pengurus Kostum	: Yong Siew Yen
Unit Solek	: Lai Ming Chun
Unit Tajaan	: Jessica Lim Eng Hwa
	: Poon Yew Fong
Buku Cenderamata	: Mohd Shukri Abd. Hamid
	: Jessica Lim Eng Hwa
	: Noor Azwad Mohd Noor
Fotografi	: Zambri Embi
	: Jessica Lim Eng Hwa
Penata Teknikal	: Rahim Yaacobe
	: Jessica Lim Eng Hwa

Kumpulan Koir



Kumpulan Koir

Chan Siew Choa
 Chuah Siew Eng
 Lee Chee Kang
 Han Lee Hwee
 Ting Chee Seong
 Ngn Sea Tion
 Chong Swee Pin
 Tan Bee Hwa
 Leong Lai San
 Cheng Hooi Lee
 Tan Ang Gaik
 Ho Swee Huat
 Ang Lay Hong

Aksi-Aksi Semasa Latihan



Ala...Mak Long Ingat Pak Long tak berani cari lain!




...Mak Long dan Pak Long nak bersanding sekali lagi ke?



Utih: Oh..... haiwan yang pandal berkata-kata.



... kaya Alang Bakhil rampas harta rakyat semua.




Musuh dicari jangan...
 bertemu pantang dielakkan...



...Alia...apa kita harus buat?
 ...pengarah sudah marah lo!

Aksi-Aksi Semasa Latihan



Dara, abang datang hendak merisik!



...lelaki berani, berani, tak takut mati.



...perempuan mudah merajuk cepat menangis...



...apalah guna janji abang kalaulah tidak berani mati...



Uda: Oh ibu, lama sudah saya
tak rasa masakan ibu...



Pulang Si Uda untuk ibunya...

Dara • Senja

'Dara'

Dara sinar matanya bintang timur
Dara jurai rambutnya mayang mengurai
Dara elok parasnya bulan purnama
Dara senyumannya lambai hati rindu

Dara hati lembut hamparan baldu
Dara budinya manis sekolam madu
Dara tiada bandingan tiada bandingan
Dara hati hanya untuk Si Uda.

Ciptaan : Jessica Lim Eng Hwa
Lirik : Usman Awang

'Senja'

Balik, baliklah ke pondok kita
Badan letih, letih teruk bekerja
Balik, baliklah petani di sawah
Mencangkul menajak peluh mencurah

Balik, baliklah ke pondok kita
Balik, baliklah anak-anak di padang
Senja, senja turun menutup petang
Datanglah gelap membawa malam.

Ciptaan : Jessica Lim Eng Hwa
Lirik : Usman Awang

Menanti • Mengemping

'Menanti'

Menanti sedetik setahun terasa
Menanti sebentar seribu tahun lama
Kupujuk rasa dari bimbang bergema
Uda hamba nantimu bilakah tiba...

Berlari hamba, berlari untukmu
Kupinjam sayap dari si angin sakti
Seribu tahun kupintas sedetik cuma
Kini, Dara, di sisimu ku berdiri...

Ciptaan : Jessica Lim Eng Hwa
Lirik : Usman Awang

'Mengemping'

Nyanyian ramai : *Malam* bersilang si anak dara
Banyak melati kenangan cempaka
Malam mengemping berpandang mata
Kelopak hati rasa berbunga.

Bulan cerah di langit yang indah
Kenangan lama mesra bersenda
Antah bertingkah hati bermadah
Pandangan mata bahasa cinta.

Abang ke sawah adik ke sawah
Hanyalah padi dirampas orang
Dipandang sudah jeling pun sudah
Hanyalah jari belum dipegang.

Ciptaan : Basil Jayatilaka
Lirik : Usman Awang

Joget Mengemping

'Joget Mengemping'

Malim : *Malam* mengemping antan berbunyi
Kukur kelapa bertih di kual
Orang miskin bertanam padi sayang
Oranglah kaya datang mencuri.

*Pemuda-
Pemudi* : Makan emping bergurau senda
Makan bersantan gula kelapa
Orang miskin teruk bekerja sayang
Oranglah kaya duduklah saja.

Dayang : Ke mana selasih akan berseri
Kalau bersinar si matahari
Kaulah kasih akan dicari sayang
Carilah hati orang berani

Pemuda 1 : Hamba menunggu Si Utih datang
Belumlah lagi nampak rupanya
Hamba tak mau berkasih sayang
Orang berkasih lemah kasihnya

*Gadis-
gadis* : Mengapa cempaka tak menguntum
Bunga kenangan harum sedesa
Mengapa Dara duduk termenung sayang
Terkenang Bang Uda belum tiba.

Utih : Kalau boleh hamba menyampuk
Seri cempaka bunga berseri
Kalau boleh hamba menokok sayang
Hati Dara tak ada di sini

Ciptaan : Basil Jayatilaka
Lirik : Usman Awang

Para Pelakon dan Tenaga Produksi

PUSAT SENI



Berbalas Senda

'Berbalas Senda'

- Uda* : Elok senja ditebat sunyi
Di sunyi indah janji bersilang
Untuklah Dara hamba berlari
Melompati sawah meniti permatang.
- Dara* : Kalaulah lapar Belatuk di rimba
Suruh hantarlah penganan seraga
Kalau benarlah untuk hamba
Jauh benarlah jalan Bang Uda.
- Perempuan
beramai* : Siamang sudah gilakan bini
Tupai mengamuk tercerut kaki
Susah percaya pada lelaki
Pandai memujuk tak sanggup mati
- Lelaki* : Apalah guna kepuk di ladang
Kalaulah tidak berisinya padi
Apalah guna janji abang
Kalaulah tidak berani mati
- Perempuan
beramai* : Bunga dedap tepi perigi
Bunganya merah, merahnya berbau
Hanya cakap berani mati
Kenalah sergah langkahnya seribu.
- Lelaki
beramai* : Terang bulan kita bersenda
Di bawah pokok di tebat yang manis
Orang perempuan minta dimanja
Mudah merajuk cepat menangis.
- Pak Long* : Padi cawan mawar desa
Bersama pulut bersama kelapa
Lelaki perempuan kembar sejiwa
Bersama hidup bersama bahagia.

Berbalas Senda • Ke Kota

- Mak Long* : Siapa pandai hati tertawan
Saya temankan ke mana saja
Tanda berdamai laki perempuan
Kita kahwinkan Uda dan Dara

Ciptaan : Basil Jayatilaka
Lirik : Usman Awan

'Ke Kota'

Kekota hamba ke kota tinggalah semua
Jangan berduka jangan titiskan airmata
Ibu tunggu hamba kan pulang untukmu
Pesan ibu hamba kenang hamba ingat selalu

Ke kota hamba ke kota lambaikan tangan
Pancarkan riang pancarkan seribu harapan
Selamat tinggal selamatlah desa ku sayang
Selamat tinggal nantikanlah hamba pulang.

Ciptaan : Jessica Lim Eng Hwa
Lirik : Usman Awang

Kahwin Olok-Olok

'Kahwin Olok-Olok'

Nyanyian Ramai

Uda dan Dara

Malam ini bergurau senda
Malam ini malam bersanding
Malam ini malam pengantin.

Uda dan Dara

Mandilah si air bunga
Taburilah si bunga rampai
Malam ini kita mengintai

Uda dan Dara

Kesayangan si air bunga
Kasih hati kami semua
Pengantin baru tidur bersama.

Uda dan Dara

Selamat panjang umur
Kami doakan kami harapkan
Kasih sayang, kasih sayang.

Ciptaan : Jessica Lim Eng Hwa
Lirik : Usman Awang

Uda dan Dara

'Uda dan Dara'

(Lagu Tema)

Uda dan Dara

Bertemu wajah rasa
Burung-burung menyanyikannya
Gunung-gunung sungai sawah padi melindunginya
Melindungi kasih sayang agung dan murni

Uda dan Dara

Bersumpah keramat cinta
Kering lautan runtuh langit
Terlebih gunung gugur matahari
Berdua bersama berdua sehidup semati

Uda dan Dara

Bersanding tak berpelamin
Berijab-kabul malam bening
Pohon-pohon mewali laut malam saksi
Malam bersatu kiamatlah alam dua hati.

Ciptaan : Omar Taib
Jessica Lim Eng Hwa
Lirik : Usman Awang



Aku Kaya

'Aku Kaya'

Alang Bakhil

Aku kaya...dia kaya
Ada ladang ada sawah
Aku kaya...ada emas ada ringgit
Aku kaya...ada rupa ada gaya

Pengikut-pengikut Alang Bakhil

Kaya Bakhil kaya bangga kaya tua.

Alang Bakhil

Aku kaya...dia kaya
Aku punya semua harta
Dia kaya...tanah pajak dia punya
Dia kaya...apa kata ikut saja

Pengikut-pengikut Alang Bakhil

Kaya Bakhil, rampas harta rakyat jelata.

Alang Bakhil

Aku kaya...dia kaya
Beri hutang beri pinjam
Dia kaya...boleh buat apa suka
Dia kaya...jadi raja orang desa

Pengikut-pengikut Alang Bakhil

Kaya Bakhil peras rampas tiada kira

Ciptaan : Jessica Lim Eng Hwa
Lirik : Usman Awang

Rampas • Pulang

'Rampas'

Pengikut-pengikut Alang Bakhil

Rampas padinya, rampas padi ganti rugi
Rampas padinya, rampas padi tolak hutang
Rampas padinya, rampas semua tanah sawah
Rampas padinya, rampas ambil semua ternakan

Rampas padinya, cepat ambil segala harta
Ambil ayam itik ambil segala harta
Malam nanti kita dapat bersukaria
Besok paginya dapat upah rampas harta.

Ciptaan : Jessica Lim Eng Hwa
Lirik : Usman Awang

'Pulang'

Pulang, pulang sudahlah Si Uda
Anak desa pulang ke kampungnya
Pulang untuk ibunya, sayang, sayang
Pulang, pulang untuk Dara seorang

Pulang sudah anak desa
Uda, kenduri kita bersuka
Mas ringgit telah kau cari
Hati rindu tak bimbang lagi.

Ciptaan : Jessica Lim Eng Hwa
Lirik : Usman Awang

Gadis di Kuburan

'Gadis di Kuburan'

Nesan condong tegak bertaburan
Gadis menangis kehibaan
Tidak ada padang perjuangan
Pahlawan gugur tergelimpangan

Lari gadis menyembam ke tanah
Diiringi sedu menggoncang bahu
Tenang pahlawan dipeluk bumi
Senyum terakhir tenang tersembunyi

Kenangan lama bermain di hati
-Pelukan dan kucupan kasih-
Tidak ada garisan tepi
Kata dipadu janji dikunci

"Sungguhkah dinda?" tanya pemuda
"Benarkah kanda" sahutnya manja
Kejinjang pelamin setahun lagi
Hilir berbiduk ke laut hidup

Datanglah lamaran ke ayah bunda
Penuh khimat junjung berdueli
Tapi pemuda emas sesaga
Tertolaklah lamaran terurailah janji

Matari tersembunyi di balik awan
Pulanglah orang membawa usungan
Air di kendi kekeringan
Terkejut gadis dari menungan

Melangkah gadis menahan denyutan
Pandangan terakhir terlempar ke nesan
Setangkai kemboja gugur perlahan
Merangkaklah senja menutup pandangan.

Ciptaan : Jessica Lim Eng Hwa
Lirik : Usman Awang

Penghargaan

Penghargaan

Dr. Usman Awang
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan
En. Nik Abdul Aziz - Jiwamas Printer Sdn. Bhd.
Genting Bhd.
Bahagian Hal Ehwal Pelajar USM
Pusat Seni USM
Perpustakaan USM
Bahagian Kebudayaan USM
En. Goh Hin San
En. Ahmad Daud
En. Tahir Ali
En. Yahya Osman
En. Omar Taib

NESCAFÉ Classic. Enak dengan cara Shake!

Sejuk. Menyegarkan.
Kelazatan rasa Nescafé Classic.
Hilangkan dahaga—dengan cara Shake!

NESCAFÉ Classic.

羣衆互助互愛的文化結晶

光明日報

HARIAN CAHAYA

GUANG - MING RIBAO

爲民族文化嘔心瀝血
替華裔社會傳達心聲



看光明日報 透視東西兩半球
訂光明日報 天下事瞭若指掌

With Best
Compliments

WNA STUDIO PRODUCTION

9-1 Jalan Haji Hashim
Off Jalan Raja Muda,
50300 Kampong Bahru,
Kuala Lumpur

Tel: 2929197

With Best Compliments
from




Mary Quant Cosmetics Ltd.
• Penang • Malaysia •

CHINON JAPAN

GENESIS II



Handyzoom 5001



See us for all your
Photographic requirements!

Merry 美麗彩色冲印 **COLOR**

105-B, Penang Road, 10000 Penang.
Tel: 04-630188

426, Penang Road, 10000 Penang.
Tel: 04-22886 & 04-361430

PHOTOGRAPHY SERVICES

- SPECIALISE IN COLOUR DEVELOPING / PRINTING.
- SLIDES PROCESSING.
- ONE HOUR PHOTO OR SAME DAY SERVICE.
- AGENT FOR WELL-KNOWN CAMERAS / EQUIPMENT ACCESSORIES.

With Best
Compliments

金森企業 (印務)
KIM SENG ENTERPRISE (PRINTER)
K. S. TRADING COMPANY
82, PENANG STREET, 10200 PENANG.
Tel: No. 04- 611254

Specialise In All Kinds of Printing, Label Stickers, Hot Stamping,
Duplex Boxes, Rubber Stamp, Stationeries Supply & etc.

Rakaman Rasa

Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
dari



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

KUALA LUMPUR 06-08 • JALAN WISMA PUTRA PETI SURAT 803 • TELEFON: 481169 • 481240
CAWANGAN SABAH • BEG BERKUNCI 149 KOTA KINABALU SABAH • TELEFON: 58117
CAWANGAN SARAWAK • PETI SURAT 1390 KUCHING SARAWAK • TELEFON: AM: 24171-2

